

TINGKAH LAKU LEPAK, MEDIA DAN PENGAWASAN KELUARGA¹

Samsudin A Rahim Ph. D

Pendahuluan:

Isu tingkah laku lepak di kalangan remaja mula mendapat perhatian dalam tahun 1993. Ketika itu diandaikan bahawa tingkah laku ini yang sering dilabelkan sebagai 'budaya lepak' begitu menular di kalangan pelajar sekolah. Masyarakat begitu memberikan perhatian kepada perkara ini kerana di ruang akhbar sering dipaparkan gambar pelajar sekolah yang menghabiskan masa sebelum atau selepas sekolah di kompleks membeli belah. Satu kajian awal tentang tingkah laku lepak di Kuala Lumpur (Samsudin dan Iran, 1993) menunjukkan bahawa tingkah laku lepak ini tidak terhad di kalangan pelajar malah lebih menular di kalangan remaja yang sudah bekerja.

Ada sesetengah pihak yang meragui kenapakah kita perlu heboh dengan tingkah laku lepak di kalangan remaja? Tidakkah di zaman remajanya, orang dewasa sekarang ini juga melepak? Begitu juga pada tahun 1960an dan 1970an juga diperkatakan orang dewasa di luar bandar kerap duduk di kedai-kedai kopi membuang masa berbual kosong tanpa mengusahakan tanah-tanah terbiar yang banyak dikawasan kampung? Persoalan-persoalan tersebut mungkin ada hujahnya.

Ada yang salah tafsir erti melepak. Mereka mengatakan apa salahnya remaja melepak dengan bermain bola? Atau yang bertanya apa salah kalau remaja melepak sambil berbincang tentang kerja sekolah? Jika remaja berbincang tentang kerja sekolah atau menonton permainan bola sepak, mereka sebenarnya bukan melepak. Ini disebabkan mereka mempunyai sesuatu matlamat yang ingin dicapai dalam sesuatu pertemuan. Tetapi yang dimaksudkan tingkah laku lepak ini adalah jika remaja berkumpul dan berada di tempat-tempat awam yang menjadi tumpuan ramai tanpa mempunyai tujuan tertentu atau tidak melakukan sesuatu perkara khusus selain daripada berbual kosong dan bergelak ketawa sahaja.

¹ Kertaskerja dibentang Di Seminar Keluarga dan Kualiti Hidup, Kuala Lumpur. 25 June 1995.

Negara sekarang ini sedang melalui zaman pembangunan yang pesat. Dengan pertumbuhan ekonomi melampaui 8 peratus setahun sejak beberapa tahun kebelakangan ini, ramai yang beranggapan bahawa negara kita telah pun berada di landasan yang kukuh untuk menjadi sebuah negara maju. Namun perlu diperhatikan bahawa pembangunan bukan sahaja menghebatkan dimensi ekonomi, tetapi juga dimensi sosial dan budaya. Remaja adalah aset negara yang penting di mana daya sumber tenaga manusia untuk masa hadapan adalah bergantung kepada remaja masa kini.

Kemajuan sesebuah negara tidak ditentukan oleh kekuatan tentera dan ekonominya, atau pun keindahan kota raya dan bangunannya, tetapi oleh kesejahteraan hidup rakyatnya (UNICEF, 1993). Pembangunan sesebuah negara mestilah mengambil kira kualiti hidup penduduknya termasuklah aspek pekerjaan, kesihatan, pendidikan, kadar hayat, kadar kematian bayi dan sebagainya. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa pembangunan di Malaysia telah dapat menangani perkara tersebut dengan baik sehingga perkara tersebut tidak menonjol sebagai agenda utama pembangunan. Di sebaliknya, sejak akhir-akhir ini isu berkaitan perilaku remaja dan gejala sosial yang berkaitan dengannya menarik perhatian orang ramai dan kerajaan.

Adakah isu remaja dan gejala sosial ini suatu realiti atau sekadar pernyataan pendapat umum setelah diberikan penonjolan yang berlebihan dalam media? Media sering melaporkan tentang penagihan dadah, lepak, bohsia, lumba motor, lari dari rumah, mengandung sebelum kahwin, ponteng sekolah, hubungan seks sebelum kahwin dan sebagainya. Begitu juga media mempopularkan 'budaya' hippies, punks, rokers, heavy metals dan lain-lain. Penonjolan berita tersebut yang ada ciri-ciri kontroversi sudah tentu mencetuskan perbincangan di kalangan orang ramai.

Pepatah Inggeris mengatakan, *Beauty is in the eyes of the beholder*. Begitu jugalah dengan isu gejala sosial di kalangan remaja. Remaja tidak menganggap diri mereka bermasalah dan menimbulkan gejala sosial. Tetapi orang dewasa yang melabelkan remaja sebagai bermasalah. Ini disebabkan orang dewasa melihat sesuatu tingkah laku remaja itu dari kaca mata dirinya, tidak dalam konteks hidup remaja hari ini. Ukuran yang sering digunakan adalah zaman remaja orang dewasa itu sendiri. Jika anak muda melampaui batasan nilai dan norma orang dewasa, maka remaja itu dianggap bermasalah.

Tingkah laku lepak dan gejala sosial

Kajian tingkah laku lepak di kalangan remaja menunjukkan secara purata remaja menghabiskan masa sebanyak 16.3 jam seminggu membuang masa berkumpul dan berbual kosong dengan rakan sebaya di tempat-tempat awam (Samsudin et. al., 1994). Kadar ini lebih menonjol di kawasan luar bandar iaitu di kawasan pembangunan tanah FELDA (28.4 jam) dan kampung tradisional (22.4 jam). Dalam masa setahun dianggarkan remaja akan menghabiskan 847.6 jam melepak iaitu bersamaan dengan 35 hari.

Tingkah laku lepak ini adalah lebih ketara di kalangan mereka yang datang daripada keluarga yang berpendapatan dan berpendidikan rendah (54 peratus ibu bapa berpendapatan RM700 dan 71 peratus ibu bapa berkelulusan sekolah rendah). Kestabilan hubungan kekeluargaan juga mempengaruhi saiz lepak di mana remaja yang mempunyai kestabilan hubungan keluarga yang tinggi (15.4 jam) secara relatif kurang melepak daripada mereka yang mempunyai kestabilan hubungan keluarga yang rendah (19.5 jam).

Jika ditinjau faktor diri remaja itu sendiri didapati mereka yang menganggap dirinya berprestasi rendah dalam pelajaran atau pekerjaan (26.3 jam) menunjukkan saiz lepak yang secara relatif lebih tinggi daripada mereka yang mempersepsikan diri mereka sebagai berprestasi tinggi (17 jam). Umur juga mempengaruhi saiz lepak di mana remaja berumur 12-15 tahun melepak sebanyak 14.4 jam berbanding dengan remaja 22-25 tahun yang melepak sebanyak 18.5 jam. Jika faktor umur dan prestasi diri diambil kira, remaja berumur 23-25 tahun yang berprestasi rendah menunjukkan saiz lepak yang paling tinggi iaitu 36.1 jam.

Remaja lepak juga didapati rendah dari segi orientasi tugas (keinginan untuk melaksana dan menyempurnakan tugas) berbanding dengan orientasi diri (keinginan untuk mendapat ganjaran dan penghargaan) dan orientasi interaksi (keinginan untuk bersosialisasi dan mendapat penerimaan rakan sebaya). Diperingkat awal remaja (12-15 tahun) didapati remaja mempunyai orientasi tugas yang lebih tinggi berbanding dengan remaja yang berumur 23-25 tahun. Dilihat dari segi etnik, remaja Melayu daripada keluarga berpendapatan kurang RM1,050 sebulan mempunyai orientasi tugas yang lebih rendah daripada remaja India dan Cina. Remaja Melayu juga didapati lebih inginkan pengiktirafan (orientasi diri) berbanding dengan remaja Cina dan India. Tidak ada perbezaan yang signifikan antara etnik dari segi orientasi interaksi.

Bolehlah dikatakan bahawa masalah lepak di kalangan remaja berpunca daripada kedudukan sosio-ekonomi keluarga yang mempengaruhi tanggapan remaja terhadap prestasi dirinya. Begitu juga nilai yang dipegang oleh remaja. Seramai 73 peratus mengatakan mereka melepak kerana hendak berjumpa kawan-kawan, 68 peratus menganggap melepak bukan aktiviti membuang masa, 62 peratus menganggap melepak sebagai trend remaja masa kini dan 52 peratus menganggap melepak sebagai cara untuk menghilangkan kerungsingan. Suasana persekitaran tempat awam adalah faktor tarikan utama mendorong remaja melepak. Seramai 54 peratus remaja menyatakan tempat tersebut ada menyediakan hiburan sementara 53 peratus menyatakan terdapat suasana nyaman di tempat berkenaan. Faktor kekeluargaan seperti ibu bapa tidak melarang (47 peratus) dan kurang sedar tentang tanggungjawab agama (47 peratus) juga merupakan faktor yang mendorong remaja melepak.

Faktor latar belakang keluarga dan juga nilai diri banyak mempengaruhi remaja untuk melepak. Ini mungkin disebabkan remaja tidak mempunyai bimbingan yang sesuai untuk menentukan hala tuju hidupnya. Tidak dapat dinafikan zaman remaja adalah zaman yang penuh pancaroba. Kajian tingkah laku remaja juga mendapati kebanyakan remaja tidak mempunyai role model yang boleh mereka teladani. Selain daripada tokoh politik (38 peratus) yang menjadi role model (itu pun terhad kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammed, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Bekas Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba), role model lain yang diteladani oleh remaja adalah ibu bapa (15 peratus), penyanyi, pelakon, personaliti TV (6 peratus), ahli sukan (2 peratus), guru (2 peratus), tokoh perniagaan (2 peratus) dan tokoh budaya (0.4 peratus).

Adakah aktiviti yang dilakukan oleh remaja sewaktu melepak menunjukkan kecenderungan melakukan aktiviti devian? Kebanyakan remaja menyatakan mereka melepak sekadar berjumpa kawan, bersiar-siar, berehat, mencari ketenangan, melepaskan rasa bosan melihat gelagat orang lain atau mendapatkan hiburan. Kenyataan tersebut menunjukkan secara terbuka remaja tidak melakukan apa-apa aktiviti yang dianggap devian atau sumbang.

Dalam konteks yang sama remaja juga ditanya adakah mereka mempunyai kawan-kawan yang melakukan aktiviti devian, didapati 71 peratus mengatakan mereka mempunyai kawan yang merokok, 40

peratus yang menonton video lucu, 39 peratus membaca majalah lucu, 18 peratus telah mengadakan hubungan seks sebelum kahwin, 25 peratus berjudi, 25 peratus meminum minuman keras, dan 14 peratus mengambil dadah. Remaja yang secara relatif lebih banyak mempunyai kawan yang bertingkah laku devian adalah remaja yang telah bekerja dan juga remaja yang menganggap dirinya berprestasi lemah.

Kecenderungan untuk memberikan perhatian kepada isu lepak ini ada kaitannya dengan kebimbangan orang ramai dan juga kerajaan terhadap kes-kes devian yang melibatkan remaja. Kes jenayah yang melibatkan remaja dilaporkan semakin meningkat. Menurut laporan polis, daripada 1,770 tangkapan juvenil pada tahun 1990 telah meningkat kepada 2,036 kes sehingga November 1994. Begitu juga dengan kes remaja lari dari rumah. Pada tahun 1990 jumlahnya adalah 1,578 kes dan telah meningkat kepada 2,267 kes pada tahun 1993. Daripada jumlah tersebut, 58 peratus (1,318 kes) melibatkan remaja Melayu, 18 peratus (407 kes) melibatkan remaja Cina dan 24 peratus (542 kes) melibatkan remaja India dan lain-lain etnik. Antara Januari hingga Oktober 1994 pula didapati 34 kes membuang bayi dilaporkan. Angka ini menunjukkan peningkatan berbanding pada tahun 1988 dimana hanya 5 kes yang dilaporkan.

Menurut laporan Badan Petugas Anti Dadah, Kementerian Dalam Negeri, sekarang ini terdapat lebih kurang 180,000 penagih dadah yang berdaftar. Menurut satu pendapat bahawa untuk setiap satu penagih yang melaporkan diri akan terdapat 3 lagi penagih yang tidak berbuat demikian. Jika angka ini diterima, jumlah penagih di Malaysia tidak kurang daripada 500,000 orang. Ini adalah satu angka yang membimbangkan kerana sebahagian besarnya melibatkan remaja. Kajian di barat menunjukkan bahawa di antara mereka yang menagih dadah bermula dengan menghisap rokok. Kempen anti merokok yang telah dijalankan nampaknya kurang memberi kesan kerana remaja masih lagi menganggap merokok adalah satu cara untuk menunjukkan kematangan diri mereka.

Remaja dan pendedahan media

Media massa dikatakan mempunyai pengaruh terhadap pembentukan realiti sosial remaja. Media dianggap sebagai jendela dunia untuk

remaja kerana melaluinya remaja dapat melanjutkan jangkauan pengalamannya yang terhad kepada dunia luar. Oleh kerana pengalaman yang terhad, remaja berkemungkinan menerima imej media tentang sesuatu isu sebagai satu realiti. Pengalaman daripada budaya media inilah yang akan mempengaruhi remaja dari segi gaya hidup, hubungan seks, pemilihan pakaian, hubungan rakan sebaya, penggunaan dadah dan minuman keras dan lain-lain peri laku berkaitan hidup seorang remaja.

Kajian-kajian di barat mengakui bahawa remaja menggunakan televisyen untuk membuat ketentuan tentang sesuatu situasi yang mana mereka tidak mempunyai pengalaman secara langsung (Hawkins dan Pingree, 1982). Kajian di barat juga menunjukkan bahawa televisyen menggambarkan realiti sosial yang amat berbeza dengan realiti sebenarnya. Mereka yang mempunyai pendedahan televisyen yang tinggi akan terpengaruh dengan realiti yang dipaparkan oleh televisyen disebabkan kesan penyuburan dalam jangka masa yang lama (Gerbner dan Gross, 1976 dan Gerbner et. al., 1980).

Thornton dan Voigt (1984) juga mendapati terdapat hubungan di antara remaja daripada klas sosio-ekonomi rendah dengan pendedahan yang tinggi kepada rancangan televisyen yang bercorak ganas dan keterlibatan mereka dalam kesalahan juvana. Walau bagaimanapun perlu diberikan perhatian bahawa remaja juga mempunyai skemata yang boleh membuat tafsiran realiti sosialnya. Dengan itu kesan media massa terutamanya televisyen perlu dilihat dalam konteks keupayaan memproses maklumat, sistem kepercayaan, pengalaman lalu, rujukan sosial seperti rakan sebaya, hubungan kekeluargaan dan sejauh mana kritikalnya remaja terhadap imej media yang diterimanya.

Dari segi pendedahan media di kalangan remaja yang melepak (Samsudin et.al., 1994), didapati bahawa majoriti remaja meminati rancangan bercorak hiburan. Majalah seperti *Gila-Gila*, *URTV*, *Remaja*, *Roda-Roda*, *Humor*, *Varia Sari*, *Smashit* dan *Pesta* lebih diminati daripada majalah seperti *Dewan Masyarakat* atau *Siswa*..

Di kalangan mereka yang berprestasi lemah, minat terhadap rancangan hiburan dalam TV adalah lebih tinggi (62 peratus) berbanding dengan pendedahan kepada rancangan lain (seperti berita 23 peratus, agama 16 peratus dan sukan 37 peratus). Jika dilihat di kalangan remaja yang mempersepsikan diri mereka sebagai berprestasi tinggi,

pendedahan kepada rancangan TV adalah lebih seimbang (49 peratus meminati rancangan hiburan berbanding dengan 57 peratus berita, 46 peratus agama dan 51 peratus sukan).

Satu perkara yang perlu kita akui ialah program import pada umumnya memaparkan nilai yang tidak sejajar dengan nilai dan budaya tempatan. Masyarakat Amerika sendiri menolak nilai yang dipaparkan melalui televisyen mereka. Di sana konsep program televisyen yang bercorak *edutainment* atau *infotainment* kurang diberikan perhatian kerana stesen televisyen utama adalah bersifat komersial. Justeru itu, program televisyen juga lebih mementingkan nilai komersial kerana program sedemikian akan dapat menarik rating penonton yang tinggi dan kutipan yang maksimum daripada iklan. Tidak dapat dinafikan bahawa program *edutainment* ada kesan positifnya. Misalnya program *Roots* dan *Roots: The Next Generation* yang disiarkan melalui stesen komersial telah meningkatkan kesedaran orang ramai tentang isu etnik dan prasangka antara etnik (Ball-Rokeach, Grube, dan Rokeach, 1981). Begitu juga dengan program *Hum Log* telah dapat meningkatkan kesedaran di kalangan penonton di India tentang status wanita, perancang keluarga dan pembentukan peribadi dan moral (Singhal dan Rogers, 1989).

Lagu-lagu pop juga ada kalanya tidak memberikan pengaruh yang baik. Bergantung kepada individu, ada kalanya mereka suka memberikan tumpuan kepada melodi dan ada kalanya pula tumpuan diberikan kepada lirik sesebuah lagu. Analisis isi kandungan lagu-lagu popular menunjukkan bahawa ada unsur-unsur positif dan negatif yang dipaparkan melalui lagu-lagu berkenaan (Samsudin, 1995).

Di antaranya ialah lagu *Top 10* yang disiarkan oleh Radio 4 antara 31 Julai hingga 21 Ogos 1994 iaitu lagu *Drop Dead Beautiful* oleh kumpulan *Six Was Nine*. Di antara lirik lagu berkenaan adalah:

*Oh! I don't want to take my bestfriend's baby but
She's drop dead beautiful
Is it right? Is it wrong?*

*I've been good all my life
I've been good but baby tonite
We're gonna get arrested by a piece of love
But I see it in your eyes we're committing no crime
You are nude so how can we be still*

Lagu ini mengisahkan tentang pemuda yang jatuh hati kepada kekasih rakan baiknya. Ia menggambarkan wanita sebagai *loose-sex-object* yang akhirnya menyerahkan diri kepada orang lain walaupun telah mempunyai kekasih sendiri.

Satu lagi lagu pop yang tersenarai sebagai *14th Best Selling Album* di kedai muzik *Salem Power House* adalah lagu *Sleeping In My Car* oleh *Roxette*. Lirikinya seperti berikut:

*Sleeping in my car I will undress you
Sleeping in my car I will caress you
Staying in the back seat of my car making up
So come out tonite I'll take you for a ride
Sleeping **in** my car staying in the back seat of my car
making love
Sleeping in my car I will possess you*

Lagu ini jelas membawa tema seks yang mungkin menjadi lumrah dalam kehidupan barat yang liberal. Komen pembantu penyelidik: *This song must be banned With its catchy melody it could get into the heads of youngsters who lacks moral values and too liberated*

Pengawasan keluarga dan orientasi remaja

Pengaruh keluarga juga penting dalam isu remaja. Menurut UNICEF (1993), tekanan ekonomi dan susutan nilai wang ini juga menyebabkan suami lebih banyak menghabiskan masa bekerja sekurang-kurangnya 10 jam sehari. Akibatnya kanak-kanak kurang mendapat masa bersama keluarga.

Pada tahun 1992, masa untuk kanak-kanak di Amerika Syarikat dapat bersama ibu bapa mereka adalah kurang 10-12 jam seminggu berbanding pada tahun 1960. Akibatnya ibu bapa tidak mempunyai banyak masa untuk melihat anak-anak mereka membesar dan juga membimbing mereka dari segi pembangunan emosi.

Tekanan dalam kehidupan keluarga ini telah mula menonjol, di mana kebanyakan negara maju telah mengalami peningkatan dalam masalah keciciran sekolah, prestasi rendah dalam sekolah, penganiayaan kanak-kanak sama ada fizikal atau seksual, tingkah laku ganas dan membunuh diri di kalangan remaja, penagihan arak dan dadah, dan juga dari segi ketidakpuasan, lemah semangat, dan kehampaan. Inilah akibat yang terhasil dalam rumahtangga dan komuniti yang bukan miskin dari segi kewangan, tetapi disebabkan tekanan ke atas kehidupan berkeluarga dan hubungan kekeluargaan.

Di Malaysia, remaja yang melepak pada keseluruhannya menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai masalah dengan keluarga mereka. Hubungan antara remaja dan ibu bapa mereka adalah stabil. Sejumlah 83 peratus menyatakan mereka selesa bersama keluarga, 83 peratus juga menyatakan ibu bapa menghormati mereka dan 74 peratus bersetuju bahawa ibu bapa menerima kehadiran mereka dengan baik. Tambahan pula, 94 peratus menyatakan bahawa mereka tetap menyayangi keluarga mereka walau pun ada kalanya mereka menghadapi masalah dalam hubungan kekeluargaan.

Di antara aspek yang remaja menyatakan mereka kurang mendapat perhatian keluarga adalah 75 peratus menyatakan ibu bapa tidak ambil tahu dengan siapa mereka berkawan, 89 peratus menyatakan ibu bapa tidak memberi dorongan untuk masa depan, 79 peratus keliru dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh ibu bapa untuk mereka dan 86 peratus menyatakan mereka tidak mempunyai kemesraan dalam keluarga.

Jika dilihat data di atas jelas menunjukkan bahawa walaupun tidak terdapat keretakan dalam keluarga remaja yang melepak tetapi ramai juga di antara remaja yang mengakui bahawa mereka kurang mendapat dorongan, kemesraan dan juga pengawasan yang lebih ketat daripada ibu bapa mereka.

Samsudin (1993) dalam kajian remaja di rumah pangsa di Kuala Lumpur mendapati hubungan peribadi yang rendah di antara ibu Melayu dengan anak remaja mereka berbanding dengan ibu Cina dan ibu India. Walaupun ibu Melayu menyatakan mereka mempunyai komunikasi ibu-anak yang tinggi, tetapi anak remaja mereka menganggap komunikasi ibu-anak adalah lebih rendah daripada yang disangkakan oleh ibu mereka.

Walaupun ibu bapa mempunyai harapan yang tinggi terhadap masa depan anak remaja mereka, tidak ramai ibu bapa yang dapat membantu anak remaja mereka terutamanya tentang perkara yang berkaitan dengan pelajaran di sekolah. Remaja menyatakan mereka kurang berbincang dengan ibu bapa mereka tentang kerja sekolah, masa depan dan juga keupayaan akademik mereka. Dengan tahap pendidikan ibu bapa yang rendah, adalah tidak mungkin mereka dapat membantu dalam kerja sekolah dan membantu memperbaiki keupayaan akademik anak remaja mereka.

Samsudin (1995) mendapati bahawa remaja yang tinggal di bandar dan pinggir bandar juga lebih banyak berbincang dengan rakan sebaya tentang masalah persekolahan mereka (min 2.6) berbanding dengan ibu (min 2.3) dan bapa (min 2.1). Begitu juga rakan sebaya (min 2.2) merupakan sumber utama untuk membincangkan perasaan emosi berkaitan dengan teman lelaki atau teman wanita berbanding dengan ibu (min 1.7) dan ayah (min 1.5). Walaupun begitu remaja masih merujuk kepada ibu bapa untuk penentuan nilai moral (min ibu 2.5, min ayah 2.3, dan min rakan 2.2).

Anak-anak yang kurang mendapat bimbingan ibu bapa berkemungkinan akan memberi perhatian kepada agen sosialisasi lain untuk mendapat bimbingan hidup. Tidak dapat dinafikan bahawa salah satu aspek proses sosialisasi adalah untuk membentuk realiti sosial melalui pengalaman dengan keluarga, sekolah, rakan sebaya, tempat kerja dan juga media massa. Realiti sosial merujuk kepada makna, nilai, sikap, norma, dan juga tingkah laku sebagai asas untuk interaksi sosial. Dalam konteks ini remaja akan membentuk realiti sosialnya dengan memerhati fenomena sosial dan melibatkan diri dengan berinteraksi bersama agen sosialisasi dalam persekitarannya. Justeru itu, realiti sosial adalah khusus untuk remaja berkenaan kerana ia terbentuk hasil tafsiran remaja berkenaan.

Menurut Peterson dan Peters (1983), realiti sosial adalah hasil pemerhatian dan penafsiran terhadap peristiwa dalam persekitaran sosial (seperti televisyen) atau interaksi dengan orang lain (seperti rakan sebaya).

Seperti yang pernah dinyatakan diperingkat awal bahawa remaja adalah remaja yang akan melalui tahap perkembangan remajanya. Perwarnaannya hidup remaja akan diacu dengan persekitaran yang wujud dalam perkembangan diri remaja berkenaan. Justeru itu

remaja yang terbimbing hidupnya dari segi peluang, kebendaan dan juga emosinya akan lebih berdaya untuk melawan rangsangan yang mengheretnya kepada perkara perkara devian berbanding dengan remaja yang kurang terbimbing terutama daripada keluarga mereka sendiri.

Remaja dalam kajian lepak juga menunjukkan bahawa pada umumnya mereka mempunyai onentasi interaksi dan orientasi diri yang tinggi berbanding dengan orientasi tugas. Maksudnya remaja lebih suka meluangkan masa berinteraksi terutama dengan kawan-kawan untuk bertukar fikiran dan juga mendapat identiti diri. Begitu juga sebagai insan biasa adalah mementingkan diri sendiri daripada memberikan ruang kepada orang lain. Walau bagaimapun, remaja secara relatif mempunyai orientasi tugas yang rendah iaitu melaksana dan menyempurnakan tugas. Lebih meningkat umur seseorang remaja itu semakin menurun orientasi tugasnya. Tetapi peningkatan umur menunjukkan lebih meningkat orientasi diri.

Keadaan ini menunjukkan bahawa remaja akan lebih mementingkan pengiktirafan daripada orang lain apabila umur mereka meningkat, tetapi sebaliknya keperluan pengiktirafan itu tidak selaras dengan penurunan keinginan melaksana dan menyempurnakan tugas. Bolehlah dikatakan bahawa remaja lebih berkurangan keinginan memikul tanggungjawab apabila umur mereka meningkat tetapi sebaliknya ingin lebih berkeinginan mendapatkan pengiktirafan daripada orang lain.

Sekilas pandang tidak dapat dinafikan remaja hari ini kurang memikul tanggungjawab berbanding dengan remaja satu generasi yang lalu. Remaja generasi lalu terpaksa memikul tanggungjawab bersama keluarga bagi menyara hidup keluarga. Remaja pada generasi lalu kebanyakannya datang daripada kelas bawahan.

Justeru itu mereka terpaksa membantu keluarga dalam pelbagai kerja untuk menambahkan pendapatan keluarga. Jika tidak bekerja di luar rumah mereka sentiasa merasa pahit getir hidup memandangkan kedudukan keluarga yang serba kekurangan. Tekad untuk keluar daripada putaran kemiskinan itu mungkin serba sedikit menguatkan ketabahan remaja menghadapi liku-liku hidup dan meggenggam cita-cita untuk berjaya pada suatu hari nanti.

Keadaan untuk remaja generasi ini berbeza pula. Tidak dinafikan masih ada yang datang daripada keluarga yang miskin. Namun begitu

rata-rata pembangunan ekonomi yang pesat telah mengubah retak hidup masyarakat umum. Kemunculan kelas menengah dan taraf hidup yang lebih baik untuk kelas bawahan membolehkan keluarga menanggung kehidupan tanpa banyak bantuan anak-anak. Begitu juga kemudahan-kemudahan yang ada di sekeliling seperti kompleks membeli belah, pusat rekreasi, arked video, keselesaan menonton televisyen dan video selain daripada kemampuan ibu bapa mencorakkan remaja pada masa kini yang ada kalanya alpa dengan tanggungjawab mereka kepada diri, keluarga dan masyarakat.

Di Amerika Syarikat, anak-anak yang dilahirkan dalam tahun 1950an mempunyai segala kemudahan untuk mencapai *American Dream* mereka. Keadaan ekonomi mereka adalah baik dan mereka boleh membuat perancangan untuk membesarkan keluarga mereka dengan pendidikan yang baik serta memiliki sebuah rumah untuk keluarga mereka. Keadaan masa kini sudah berubah. Dengan kemelesetan ekonomi Amerika Syarikat, telah muncul satu generasi yang dinamakan *Generation X* yang dilengkongi dengan kehidupan penyalahgunaan dadah, sistem pendidikan yang semakin tenat, masalah alam sekitar, prospek ekonomi yang meleset, dan juga kadar kejayah yang semakin meningkat. Mereka kecewa dengan *American Dream* yang dirasakan tidak mungkin tercapai. Mereka juga kecewa dengan struktur sokongan yang semakin rapuh seperti pemimpin politik, kerajaan dan juga ibu bapa mereka.

Remaja di Malaysia mungkin bernasib baik kerana keadaan ekonomi negara berkembang dengan pesat dan memungkinkan keselesaan hidup untuk mereka sekeluarga. Perkembangan ini sepatutnya memberikan keyakinan kepada remaja kita tentang masa depan yang semakin cerah untuk mereka berbanding dengan alam remaja ibu bapa mereka.

Walau bagaimanapun, gejala sosial yang terdapat di Malaysia pada masa kini tidak menggambarkan keyakinan dan keghairahan remaja untuk menghadapi masa depan yang lebih terjamin. Keadaan remaja di Malaysia lebih menggambarkan kekecewaan *Generation X* yang wujud di Amerika Syarikat.

Jika dilihat dengan lebih dekat lagi, perkembangan ekonomi yang pesat telah mengubah corak hidup keluarga. Ibu mereka lebih banyak menghabiskan masa di luar rumah, bukan kerana desakan pendapatan yang tidak cukup, tetapi lebih untuk meningkatkan jumlah pendapatan keluarga untuk memenuhi keperluan material yang semakin menjadi

status keselesaan hidup sekarang ini. Dengan itu anak remaja hidup sendirian dan tersisih sebahagian besar daripada perkembangan hidup hariannya daripada ahli keluarga terutama ibu bapa. Tidak dapat dinafikan bahawa secara umum, anak-anak membesar dalam keadaan lebih terdedah kepada rakan sebaya, pengasuh dan juga maklumat daripada media massa.

Program Rakan Muda dan Remaja

Untuk menangani isu lepak di kalangan remaja ini, Kementerian Belia dan Sukan telah memperkenalkan Program Rakan Muda. Program ini menampilkan 11 gaya hidup yang boleh diikuti serta oleh remaja berdasarkan minat dan keupayaan mereka. Sejak dilancarkan pada Oktober 1994, program Rakan Muda telah berjaya menerima 1.2 juta permohonan untuk mengikuti aktiviti Rakan Muda daripada 850,000 remaja. Konsep Rakan Muda dari segi idealnya adalah untuk mewujudkan pelbagai aktiviti yang terancang untuk remaja yang kelak menjadi wahana mencungkil potensi sebenar diri remaja agar mereka penuh yakin kepada potensi diri selaras dengan moto Rakan Muda *Yakin Boleh!*

Laporan prestasi program Rakan Muda (KBS, 1995) menunjukkan bahawa di antara aktiviti yang menarik minat remaja adalah aktiviti berkaitan dengan rekreasi, pertahanan diri, sukan dan alam sekitar. Namun begitu aktiviti seperti keusahawanan, meningkatkan kemahiran, dan penciptaan kurang mendapat sambutan daripada remaja. Walau pun sambutan remaja terhadap program Rakan Muda adalah menggalakkan, tetapi sedikit sebanyak kredibiliti program ini terjejes kerana pihak kementerian tidak mempunyai sokongan logistik yang secukupnya di peringkat akar umbi untuk melayani kesemua permintaan daripada remaja.

Ada pula yang bertanya, apakah yang terjadi kepada remaja yang bermasalah? Sudahkah mereka menyertai aktiviti Rakan Muda? Ada pula yang mula menyangsikan keupayaan program Rakan Muda untuk terus memukau imaginasi remaja kerana setelah menimbulkan harapan yang memuncak hasil daripada promosi yang begitu menonjol bertukar ganti kepada kekecewaan yang memuncak kerana program berkenaan tidak dapat menangani masalah yang menjadi asas untuk mewujudkan program Rakan Muda. Perkara ini telah pun disedari oleh pihak Kementerian dimana untuk tahun 1996 program Rakan Muda akan memberi tumpuan kepada remaja berumur antara 18-25 tahun

yang berada di luar sistem persekolahan. Maksudnya, tumpuan akan diberikan kepada sasaran asalnya yakni remaja yang bermasalah.

Sehingga Oktober 1995 sejumlah RM16.2 juta telah dibelanjakan untuk menggerakkan 6,571 aktiviti Rakan Muda. Pembangunan sosial terutama pembangunan remaja memerlukan peruntukan yang tinggi. Seolah-olah masalah remaja di negara ini hanya perlu ditangani oleh kerajaan. Di manakah tanggungjawab ibu bapa dalam membimbing anak-anak mereka ke arah pembangunan yang sihat? Rakan Muda perlu dijadikan program penyertaan masyarakat atau *community participation programme*. Maksudnya, masyarakat setempat mengenal pasti masalah anak remaja mereka dan menentukan apakah aktiviti yang perlu untuk menanganinya. Peruntukan kewangan juga boleh diusahakan oleh masyarakat setempat. Ini disebabkan masalah dan punca remaja adalah berbeza mengikut tempat. Justeru itu cara penyelesaiannya juga perlu berbeza. Adalah mustahil untuk kita bergantung kepada kerajaan untuk menangani isu remaja. Setiap perkampungan atau taman perumahan sudah tentu mempunyai masalah dan kemudahan yang berlainan. Untuk menangani isu remaja ini masyarakat tempatan perlu tampil melibatkan diri. Dengan itu setiap komuniti mempunyai keupayaan menangani masalahnya sendiri tanpa bergantung kepada orang luar. Penglibatan masyarakat yang menyeluruh adalah penting dalam usaha untuk mencegah isu remaja lepak dan salah laku yang lain. Menurut Askew, McDonald dan Lenton (1986):

Community participation is the educational dan empowering process in which people, in partnership with those able to assist them, identify problems and needs and increasingly assume responsibility themselves in plan, manage, control and assess the collective actions that are proved necessary.

Jika remaja adalah aset negara, perlu juga kita tahu nilainya dari masa ke semasa. Apakah dengan program Rakan Muda nanti remaja kita akan mempunyai kualiti hidup yang lebih baik daripada masa sekarang? Adalah sukar dipastikan kerana kita tidak mempunyai indeks untuk menentukan hala tuju pembangunan remaja bagi menyahut cabaran pada masa akan datang. Bagaimanakah ciri kendirinya, nilai kekeluargaan, ketaat setiaan kepada negara, toleransi dalam masyarakat berbilang bangsa, pencapaian akademik, aspirasi diri, pengetahuan am, pengetahuan agama dan sebagainya? Usaha pembentukan indeks remaja dalam perlu kerana dengan adanya indeks kita dapat melihat perubahan yang berlaku terhadap diri remaja dengan lebih khusus lagi di masa akan datang. Seperti indeks ekonomi dan

indeks harga pengguna, indeks remaja boleh dijadikan panduan dalam melaksanakan program pembangunan remaja mengikut landasan yang diinginkan oleh negara.

Penutup

Isu remaja hari ini adalah satu manifestasi masyarakat dalam menuju pembangunan. Tingkah laku remaja adalah satu produk masyarakat kerana masyarakatlah yang membentuk nilai dan tingkah laku remaja melalui agensi sosialisasi yang ada dalam persekitaran remaja. Adakah kita perlu menyalahkan remaja terhadap perilaku mereka? Kita sebagai anggota masyarakat juga perlu dipersalahkan. Jika kita hendakkan remaja kita mempunyai nilai dan tingkah laku positif bersesuaian dengan peradaban bangsa dan agama, maka kita perlu mengubah dan membetulkan persekitaran remaja agar mereka mempunyai satu persekitaran yang membina untuk melazimkan nilai dan tingkah laku positif. Apakah nilai dan persekitaran yang sesuai? Selalunya apa yang dianggap makanan enak untuk seseorang dianggap sebagai racun untuk orang yang lain. Begitulah ragam dunia!

Rujukan:

Askew, I., MacDonald, M. dan Lenton, C. (1986). *The community participation approach in family planning programmes: some suggestions for project development*. International Planned Parenthood Federation. London.

Australian Centre for Independent Journalism. (1992). *Youth and the Media*. Working paper No. 3.

Bandura, A. (1983). Self-efficacy determinants of anticipated fears and calamities. *Journal of Personality and Social Psychology*. 45.

Faber, R., Brown, J. dan McLeod, J. (1979). 'Coming of age in the global village: television and adolescence'. Dalam Wartella, E. *Children Communicating*. Beverly Hills. Sage Publications.

Friere, P. (1976). *Pedagogy of the Oppressed*. Penguin. Baltimore.

Hawkins, R. dan Pingree, S. (1982). 'Television's influence on social reality'. Dalam Pearl, D. *Television and Behavior: Ten Years of Scientific Progress and Implications for the Eighties*. US Department of Health and Human Services.

Mohamad Rahmat (Dato') 1994. Role of Government in Malaysian Television. Keynote Address di Seminar *Allalaysian Television Industry*. 12-13 Mei 1994. Kuala Lumpur.

Mus Chairil Samani dan Samsudin A. Rahim (1994). *Portrayal remaja dalam media cetak*. Laporan awal kepada Kementerian Belia dan Sukan.

New Straits Times (NST), 1995. *US Study Reveals Narrow Portrayal of Children on TV*. March 3. 1995.

Peterson, G. dan Peters, D. (1983). 'Adolescents' construction of social reality. *Youth and Society*. Beverly Hills. Sage Publications.

Samsudin A. Rahim (1993). 'Interaksi remaja-ibubapa diramahpangsa'. Kertas kerja di Bengkel *Hubungan remaja dan ibu bapa di rumah pangsa Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur*, anjuran Majlis Kanak-Kanak Malaysia. Kuala Lumpur.

Samsudin A. Rahim et. al. (1994). *Tingkah laku lepak di kalangan remaja*. Laporan kajian kepada Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Samsudin A. Rahim (1995). *Remaja dan pendedahan kepada muzik popular*. Laporan awal kajian untuk Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Thomton, W. dan Voigt, L. (1984). 'Television and delinquency: A neglected dimension of social control'. *Youth and Society*. Beverly Hills. Sage Publications.